

Teknologi terkini penting tingkat tahap keselamatan di Esszone

LAHAD DATU: Penggunaan teknologi canggih dan aset keselamatan berteknologi tinggi ialah langkah penting dalam memperkukuh kawalan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (Esszone).

Komander Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) Datuk Victor Sanjos berkata, justeru teknologi terkini seperti pesawat tanpa pemandu (UAV) amat diperlukan untuk mengatasi cabaran keselamatan di kawasan sempadan negara, terutama di pantai timur Sabah merangkumi kira-kira 1,400 kilometer.

Beliau berkata aset berteknologi tinggi seperti ini penting untuk mengawal sempadan daripada ancaman seperti penyeludupan dan kemasukan pendatang tanpa izin (PTI).

"Penggunaan UAV membolehkan pihak keselamatan memperoleh maklumat tepat dalam masa sebenar walaupun berdepan keadaan cuaca buruk atau ombak besar. Dengan UAV

kita dapat mengumpulkan data yang kemudian dihantar ke pusat operasi untuk tindakan lanjut.

"Bagi kawasan-kawasan lebih kecil, dron menjadi pilihan terbaik. Dron membolehkan pantauan daripada sudut pandangan udara yang memberikan gambaran jelas mengenai pergerakan di kawasan berkenaan," katanya kepada Bernama.

Victor berkata data yang diperoleh daripada UAV dan dron ini kemudian boleh dihantar ke pusat operasi membolehkan Esscom merancang tindakan dalam menjaga keselamatan dengan lebih efisien.

Selain itu, penggunaan UAV dan dron juga dapat mengurangkan kos operasi serta meningkatkan keselamatan anggota yang bertugas kerana mereka akan mempunyai maklumat lebih tepat sebelum memasuki kawasan berisiko.

"Keselamatan anggota terjamin kerana kita sudah tahu di mana arah yang perlu kita tuju," katanya. – Bernama